



25 Ogos 2020
25 August 2020
P.U. (A) 237

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT

GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN
(LAYANAN KHAS BAGI FAEDAH
KE ATAS PINJAMAN) 2020

*INCOME TAX (SPECIAL TREATMENT FOR INTEREST
ON LOAN) REGULATIONS 2020*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERATURAN-PERATURAN CUKAI PENDAPATAN (LAYANAN KHAS BAGI FAEDAH
KE ATAS PINJAMAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Ketua Pengarah membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Pendapatan (Layanan Khas bagi Faedah ke atas Pinjaman) 2020**.

(2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2020 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini terpakai bagi bank atau institusi kewangan yang disebut dalam peraturan 3.

Tafsiran

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“bank atau institusi kewangan” ertinya —

(a) suatu bank berlesen atau bank pelaburan berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*];

(b) suatu bank Islam berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]; dan

(c) suatu institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 [*Akta 618*];

"perusahaan kecil dan sederhana" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 [*Akta 539*];

"pinjaman" ertinya apa-apa pinjaman atau pembiayaan yang berkaitan dengan program moratorium di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), tetapi tidak termasuk kemudahan kad kredit, yang diberikan oleh suatu bank atau institusi kewangan kepada seorang individu, perusahaan kecil dan sederhana atau mana-mana syarikat selain perusahaan kecil dan sederhana.

Pendapatan kasar bank atau institusi kewangan

4. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2) dan peraturan 5, jika suatu moratorium diluluskan oleh suatu bank atau institusi kewangan berkenaan dengan apa-apa amaun faedah yang genap masa dan kena dibayar dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020 oleh seorang individu, perusahaan kecil dan sederhana atau mana-mana syarikat selain perusahaan kecil dan sederhana ke atas suatu pinjaman yang diberikan oleh bank atau institusi kewangan itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, faedah itu tidak menjadi pendapatan kasar bank atau institusi kewangan itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

(2) Jika apa-apa amaun faedah yang disebut dalam subperaturan (1)—

(a) diterima dari 1 April 2020 hingga 30 September 2020; atau

(b) menjadi boleh diterima pada atau selepas 1 Oktober 2020,

oleh bank atau institusi kewangan itu dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, faedah itu hendaklah dikira sebagai pendapatan kasar bank atau institusi kewangan itu dalam tempoh asas bagi tahun taksiran itu.

Syarat-syarat berhubung dengan pinjaman dan moratorium

5. Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, syarat-syarat berikut yang berhubung dengan suatu pinjaman dan moratorium hendaklah terpakai:

- (a) pinjaman itu adalah dalam Ringgit Malaysia;
- (b) tiada tunggakan pembayaran ke atas pinjaman itu yang melebihi sembilan puluh hari pada 1 April 2020 oleh individu, perusahaan kecil dan sederhana atau mana-mana syarikat selain perusahaan kecil dan sederhana itu; dan
- (c) berhubung dengan syarikat selain perusahaan kecil dan sederhana, permohonan bagi moratorium telah dibuat kepada bank atau institusi kewangan yang berkaitan.

Rosotnilai pinjaman

6. Suatu potongan daripada pendapatan kasar suatu bank atau institusi kewangan berdasarkan apa-apa rosotnilai suatu pinjaman yang terlibat dalam tempoh program moratorium di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang disebut dalam subperaturan 4(1) hendaklah tidak dibenarkan di bawah Akta.

Akaun berasingan

7. Bank atau institusi kewangan hendaklah menyenggara suatu akaun berasingan bagi amaun faedah yang disebut dalam subperaturan 4(1) dan pembayaran yang diterima berhubung dengan faedah itu.

Dibuat 24 Ogos 2020

[Perb.MOF.TAX(RB)700-2/1/89; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-36; PN(PU2)80/XCIX]

DATO' SRI DR. SABIN BIN SAMITAH
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (SPECIAL TREATMENT FOR INTEREST ON LOAN) REGULATIONS 2020

IN exercise of the powers conferred by subsection 36(1) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Director General makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Income Tax (Special Treatment for Interest on Loan) Regulations 2020**.

(2) These Regulations shall have effect for the year of assessment 2020 and subsequent years of assessment.

Application

2. These Regulations apply to bank or financial institution referred to in regulation 3.

Interpretation

3. In these Regulations—

“bank or financial institution” means—

(a) a licensed bank or licensed investment bank under the Financial Services Act 2013 [*Act 758*];

(b) a licensed Islamic bank under the Islamic Financial Services Act 2013 [*Act 759*]; and

(c) a development financial institution prescribed under the Development Financial Institutions Act 2002 [*Act 618*];

"small and medium enterprises" has the same meaning assigned to it under section 2 of the Small and Medium Industries Development Corporation Act 1995 [*Act 539*];

"loan" means any loan or financing which is related to the moratorium programme under the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN), but does not include credit card facility, granted by a bank or financial institution to an individual, small and medium enterprises or any company other than small and medium enterprises;

Gross income of bank or financial institution

4. (1) Subject to subregulation (2) and regulation 5, where a moratorium is approved by a bank or financial institution in respect of any amount of interest due and payable from 1 April 2020 until 30 September 2020 by an individual, small and medium enterprises or any company other than small and medium enterprises on a loan granted by the bank or financial institution in the basis period for a year of assessment, such interest shall not constitute the gross income of that bank or financial institution in the basis period for that year of assessment.

(2) Where any amount of interest referred to in subregulation (1)—

(a) is received from 1 April 2020 until 30 September 2020; or

(b) becomes receivable on or after 1 October 2020,

by the bank or financial institution in the basis period for a year of assessment, such interest shall be treated as the gross income of the bank or financial institution in the basis period for that year of assessment.

Conditions relating to loan and moratorium

5. For the purpose of these Regulations, the following conditions relating to a loan and moratorium shall apply:

- (a) the loan is in Ringgit Malaysia;
- (b) there is no outstanding payment on the loan for more than ninety days as at 1 April 2020 by the individual, small and medium enterprises or any company other than small and medium enterprises; and
- (c) relating to company other than small and medium enterprises, the application for the moratorium has been made to the relevant bank or financial institution.

Loan impairment

6. A deduction from the gross income of a bank or financial institution based on any impairment of a loan involved in the period of the moratorium programme under the Prihatin Rakyat Economic Stimulus Package (PRIHATIN) referred to in subregulation 4(1) shall not be allowed under the Act.

Separate account

7. The bank or financial institution shall maintain a separate account for the amount of interest referred to in subregulation 4(1) and payment received in relation to that interest.

Made 24 August 2020

[Perb.MOF.TAX(RB)700-2/1/89; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-36; PN(PU2)80/XCIX]

DATO' SRI DR. SABIN BIN SAMITAH
Director General of Inland Revenue